

KEANEKAAN BENTUK TERJEMAHAN KATA SENDI NAMA (من) KE DALAM BAHASA MELAYU: ANALISIS TERJEMAHAN SURAT YASSIN DALAM MUSHAF BRUNEI DARUSSALAM

**Muhammad Darussalam Munthe Borneo¹, Prof Madya Dr. Muhamadul Bakir
Bin Haji Yaakub²**

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan keanekaan ataupun keberagaman dalam menterjemahkan Huruf Jar (من) dan fungsinya ke dalam Bahasa Melayu. Diantara perkara yang telah disepakati oleh ahli-ahli bahasa, keadaan ini adalah disebabkan oleh sifat bahasa manusia itu sendiri, yang berbeza antara satu bahasa dengan yang lain, kerana masing-masing dipengaruhi oleh keadaan masyarakat yang menuturkannya dan persekitaran tempat mereka tinggal. Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menganggap isu perbezaan, keistimewaan dan kepelbagaian antara bahasa-bahasa manusia adalah satu nilai penting bagi warisan manusia. Oleh itu, Setiap bahasa memiliki kebijaksanaan budaya dengan keunikan yang tersendiri. Dapatan kajian ini menunjukkan bahwa setiap partikel dari preposisi arab dan melayu mempunyai mempunyai fungsi yang berlainan dan tidak boleh diterjemahkan secara leksikal, malahan hendaklah melihat kepada struktur dan susunan ayat, dan juga aspek semantik dalam konteks yang sesuai. Kajian ini juga menemui beberapa aspek dan panduan terjemahan yang boleh digunakan khususnya kepada penterjemah dalam menterjemah preposisi Arab kepada bahasa melayu.

Kata kunci: Keanekaan, Terjemahan Preposisi (من), keaneekaan, fungsi, leksikal.

Pengenalan

Apabila kita memperkatakan tentang terjemahan Arab-Melayu, maka sudah pasti perkara itu berkait rapat dengan perkembangan agama islam di rantau nusantara ini³. Pada hakikatnya, Bahasa Arab sendiri sememangnya terkenal kaya dengan kosa kata, istilah dan mempunyai ciri tatabahasa yang tersendiri, bahkan juga telah memberikan banyak kosakata kepada bahasa lain dari dunia Islam. Zainur Rijal & Mahmoud Ali menjelaskan bahwa secara jelasnya bahasa Arab mempunyai ciri tatabahasa yang amat berbeza dengan bahasa Melayu.⁴ Hal ini sangat jelas sekali

¹ Mahasiswa Sarjana Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Arab dan Terjemahan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Negara Brunei Darussalam.

² Profesor Madya dan Pensyarah Fakulti Bahasa Arab dan Terjemahan, Fakulti Bahasa Arab dan Terjemahan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Negara Brunei Darussalam.

³ Dr. Mohd. Hilmi b. Abdullah. (2015). *Konsep, Kaedah dan Teknik Terjemahan Arab-Melayu*. Kuala Kubu Bharu: Pustaka Hilmi. p 5.

⁴ Zainur Rijal B. Abdul Razak & Mahmoud Mohammed Ali. (2014). Perbezaan di antara Kata Kerja Berimbuhan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, Vol.18 (1) Jun 2014, (035-047).

disebabkan oleh pengaruh budaya bahasa yang sememangnya akan memberikan kesan yang berbeza kepada bahasa itu sendiri.

Azman menjelaskan Kajian terjemahan merupakan suatu bidang yang luas dan menjadi suatu disiplin yang begitu penting dalam pembangunan tamadun keilmuan manusia.⁵ Melalui kajian ilmunan terjemahan ini justeru sangat membantu dalam mendedikasikan suatu ladang keilmuan dalam membantu para pelajar dalam mempelajari bahasa Al quran secara khususnya dan meluaskan lagi wawasan terjemahan bagi penterjemah secara amnya. Muhammad Luqman menjelaskan bahwa disiplin terjemahan Arab-Melayu melalui penyelidikan dan penulisan semakin giat diusahakan dan usaha ini perlu disempurnakan sebagai asas dan panduan untuk para penterjemah. Malahan usaha ini perlu dilipatgandakan, memandangkan bidang terjemahan ArabMelayu tidak begitu meluas, dan banyak didominasi oleh terjemahan Inggeris-Melayu.⁶

Menurut kajian Muhammad Luqmanul Saad, Pabiyah Hajimaming , Zaitul Azma Zainon Hamzah tentang kajian terjemahan preposisi arab bahawa Frasa sendi Arab (shibh al-jumlah) terdiri daripada kata sendi (KS) dan kata nama (KN) atau frasa nama. Oleh itu, dalam terjemahan Melayu, penterjemah perlu memberi padanan yang sama, iaitu KS+KN Arab yang dipadankan dengan KS+KN Melayu⁷. Pembaca atau penterjemah pada teks Arab secara asasnya hendaklah mempunyai maklumat yang secukupnya dalam memahami setiap kata sendi Arab. Dalam hal ini, terdapat juga beberapa huruf jar/kata sendi Arab yang memiliki fungsi makna yang lebih daripada satu. Oleh itu, pembaca atau penterjemah perlu mengetahui makna dan maksud bagi setiap kata sendi tersebut sebelum memahami penggunaan makna yang lain.

Kajian ini berusaha untuk menyediakan konsep dan kaedah dalam bidang terjemahan Arab-Melayu terutamanya dari aspek linguistik dan kefahaman makna dan fungsi mengenai huruf jar/preposisi yang merupakan elemen berharga dalam kesatuan bahasa. Melalui hasil kajian ini adalah sangat diharapkan untuk dapat menjadi suatu kaedah dan alternatif dalam faktor pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab khusus dalam menekuni ilmu terjemahan bagi pelajar dan juga pengajar secara amnya dan penterjemah secara khususnya.

Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk memenuhi beberapa objektif seperti berikut iaitu:

- Memahami huruf jar/kata sendi (من) dalam bahasa Arab yang memiliki fungsi makna tertentu.
- Memperhalusi dan memantapkan terjemahan Frasa Sendi Arab-Melayu yang terdapat pada teks Al-Quran.

⁵ Azman Che Mat. (2009). Keperluan kepada sebuah glosari kata tugas untuk terjemahan Arab-Melayu. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-12 pada 18-20 Ogos 2009 di Park Royal, Penang. p:2.

⁶ Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad. (2012). Strategi Penterjemahan Kata Sendi Nama Arab Ke Bahasa Melayu: Satu Analisis Diskriptif Dan Semantik Dalam Novel “Masrur Dan Makrur”. Ijazah Sarjana: Universiti Malaya. p 1.

- Meneliti akan keanekaan terjemahan huruf jar/kata sendi (من) yang terdapat pada bahasa melayu dari segi linguistik dan juga fungsi makna.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis deskriptif dan tertumpu kepada terjemahan huruf jar (min) sahaja. Manakala model rujukan yang digunakan adalah tertumpu kepada Surah Yaa' seen yang terdapat pada Mushaf Brunei Darussalam dan terjemahannya. Analisis kajian ini ditentukan melalui kaedah pengeluaran huruf jar (min) daripada ayat al-Quran dan selanjutnya menentukan makna huruf jar sesuai dengan urutan ayat al-Quran. Data selanjutnya akan dikumpul, diteliti dan akan disesuaikan dengan makna terjemahan yang terdapat pada Kamus Dewan Edisi Keempat, Cetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Mushaf Brunei Darussalam dan terjemahannya adalah satu usaha untuk menjelaskan isi kandungan Al- Quran dengan bahasa dan penyampaian yang mudah difahami oleh masyarakat Brunei. Wan Mohammad Sahran Wan Ahmadi (2007) menjelaskan adanya mushaf berkenaan akan dapat mengukuhkan lagi perpaduan masyarakat brunei dalam memahami ajaran islam melalui penafsiran ayat alquran yang berasaskan kepada fahaman akidah ahli sunnah wal jama'ah aliran Al- Sya'irah dan Al- Maturidiyah dan Fiqh Mazhab Syafiee.⁸ Melalui kajian terjemahan yang ada pada Mushaf ini, diharapkan akan menjadi rujukan khususnya pada Penterjemah Al-Quran dalam meluaskan lagi wawasan dalam menterjemahkan bahasa arab- melayu yang bersifat dinamis dan menarik untuk para pembaca di luar sana.

Aspek Terjemahan Huruf jar min

Kajian ini secara khususnya meneliti alur dan keanekaan terjemahan yang ada pada huruf jar (min). Ini adalah perkara yang penting untuk difahami, mengapa cara menterjemahkan huruf jar (min) ke dalam bahasa Melayu bervariasi dan beragam. Berdasarkan fakta ini, penterjemah harus menyadari kemungkinan akan adanya perbezaan linguistik dari segi fungsi dan makna bahasa antara bahasa asli dan juga bahasa sumber. Berdasarkan aplikasi google translate, dan beberapa aplikasi lainyadalam terjemahan arab – melayu menterjemahkan huruf jar (min) kepada dua bahasa yang umum iaitu Frasa sendi/kata sendi Dari dan juga daripada. Contohnya, aplikasi (terjemahan google) biasanya akan menterjemahkan kepada “daripada”,⁹ sementara aplikasi-aplikasi lain seperti (Arab-Malay Bing Microsoft Translator) pula memberikan terjemahan “dari”.¹⁰

Al-Muradi menjelaskan huruf jar (min) juga boleh menggunakan makna huruf jar yang lain dalam konteks tertentu seperti pada makna Berdasarkan ¹¹ رب، ب، إلى، على، في، hal ini kajian ini mencuba untuk mengkaji akan keanekaan terjemahan yang sepadan melalui kefahaman fungsi dan makna dalam menterjemahkan huruf jar (min) pada makna tertentu. Sebagai contoh sahaja melalui kajian ini, (min) yang bermakna fi di

⁸ Wan Mohammad Sahran Wan Ahmadi (2020. Januari, 11). Mushaf Brunei Darussalam, Tafsiranya mula dicetak. Pelita Brunei. p 6.

⁹ . Di, <https://translate.google.com/?sl=ar&tl=ms&text=%D9%85%D9%86&op=translate> (31.1.2022)

¹⁰ . Di, <https://www.bing.com/translator> (31/1/2022)

¹¹ al-Murādi, al-Hasan Ibn Qāsim. (1992). *Al-Janā al-Dāni fī Hurūf al-Mac āni*. Bayrut: Dār al-Kutub al- Ilmiyyah. p 313-315.

terjemahkan menggunakan perkataan “di” yang dimana secara fungsi digunakan untuk menyatakan tempat dan arah didalam bahasa Melayu.

Mohammad Hilmi menjelaskan partikel (min) dalam bahasa arab mempunyai makna dalam bahasa Melayu bergantung kepada konteks ayat.¹² Hal ini justeru menjadi pendekatan dalam kajian ini dalam menentukan makna dan konteks terjemahan huruf jar (min) mengikut makna yang telah disepakati oleh ahli bahasa.

Definisi Huruf Jar (من)

Huruf jar dalam bahasa Arab dipahami sebagai frasa sendi ataupun preposisi mempunyai jenis yang bermacam-macam. hal ini telahpun dijelaskan oleh Ibnu Aqil pada kitab syarh Ibnu Aqil:

"هاك حروف الجر وهي من إلى ... حتى خلا حاشا عدا في عن على مذ منذ رب اللام كي واو وتا ... والكاف والباء ولعل ومتى"¹³

Ertinya: *huruf –huruf jar diantaranya adalah huruf min, ila, hatta, khola, haasha, aada, fi, an, alaa, muz, munzu, rubba, lam, kai, waw, ta, kaf, al bak lalla dan mata.*

Hal ini juga dijelaskan oleh Azman Che Mat mengenai pengertian huruf jaar melalui al' Munawi (1990:276) serta al Jurjani (1992:114) yang di mana menyebut huruf al jar sebagai:¹⁴

" ما وضع لإفضاء الفعل أو معناه إلى ما يليه نحو مررت بزيد "

Ertinya: *Sesuatu yang diletakkan untuk menyatakan perbuatan atau maknanya kepada yang selepasnya. seperti aku berjalan dengan zaid.*

kemudian Abd al Ghani al Daqar (1993:81) pula mengatakan:¹⁵

" حروف الجر تصل ما قبلها بما بعدها، فتوصل الأسم بالاسم نحو : الدار لعمر والفعل بالاسم نحو مررت بزيد "

Ertinya: *Huruf al jar menghubungkan anatara sesuatu yang sebelum dan sesuatu selepasnya, iaitu menghubungkan kata nama dengan kata nama seperti الدار لعمر:*

¹² Dr. Mohd. Hilmi b. Abdullah. (2015). *Konsep, Kaedah dan Teknik Terjemahan Arab-Melayu*. Kuala Kubu Bharu: Pustaka Hilmi. p 108.

¹³ Ibnu Aqil, Abdullah Bin Abdurrahman Al- Aqili. (1980). *Syarh Ibnu Li Alfiah Ibnu Malik*. kaherah: daar at turas. juzuk 3. p 3.

¹⁴ Azman Che Mat, Ismail Muhammad. (2010, November). Memaknakan Frasa Sendi Bahasa Arab Ke Bahasa Melayu Berdasarkan Ilmu Sintaksis-Semantik. *Islamiyyat* 32. Bab 6. P 123.

¹⁵ Azman Che Mat, Ismail Muhammad. *Islamiyyat* 32. Bab 6. P 123.

“rumah itu untuk amru” dan kata kerja dengan kata nama مررت يزيد : “saya berjalan dengan zaid”.

Huruf jar (من) adalah salah satu daripada huruf jar dan tergolong daripada huruf jar الثنائية yang dimana diertikan sebagai kata yang terdiri dari dua huruf hijaiyah iaitu mim dan juga nun. Menurut kamus al wasit tentang istilah makna Huruf jar (من) adalah:

16

"حرف الجر (من): حرف الجر يأتي على وجوه متعددة. فمنها الإبتداء، التبعية، البيان، التعليل، البدل، الفصل والتمييز و تأكيد العموم."

Ertinya: Huruf jar min adalah merupakan huruf jar yang datang dari pelbagai wajah dan diantaranya adalah ibtida, tab'id, bayan, ta'lil, badal, fasl dan tamyiz dan juga tawkid umum.

Dari aspek semantik pula, menurut ibnu Hisyam bahawa Huruf jar (من) mempunyai 15 makna,¹⁷ dan dimana dari segi makna dan terjemahan boleh dipadankan terus dengan kata sendi melayu dari dan juga daripada.

Definisi Kata Sendi Nama

Kata Sendi Nama ialah pada dasarnya adalah kata yang digunakan untuk menyambung frasa nama dengan kata atau frasa-frasa dan ayat. Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (2008) , Kata Sendi Nama ialah perkataan yang berfungsi sebagai kata depan sesuatu perkataan atau kumpulan perkataan yang tergolong sebagai kata nama atau frasa nama.¹⁸

Za'ba (1965:177) mengertikan kata sendi sebagai: “ kata- kata khas dipakai dengan nama atau ganti nama sahaja bagi menunjukkan persangkutan nama atau ganti nama itu dengan sesuatu perkataan lain di dalam ayat”. Contohnya, “Saya menanti di rumah”¹⁹. Menurut Arak Othman (1989) Kata sendi dikenali sebagai perkataan yang tidak sempurna dengan erti kata ia tidak dapat berdiri sebagai perkataan bebas atau tidak boleh dengan sendirinya berdiri sebagai ayat. Oleh yang demikian, ia digunakan bersama dengan perkataan lain; biasanya di depan perkataan golongan nama. Contohnya, “Saya berasal dari Terengganu”²⁰.

Dari segi definisi, Nik Safiah Kafim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood (2008) juga menjelaskan bahawa Kata Sendi Nama tergolong dalam

¹⁶ Majma al Lughah Arabiyah. (2011). *Mu'jam al Wasit*. Mesir: Maktabah as Syuruk ad Dawliyah. p 924.

¹⁷ Ibnu Hisyam, Jamaluddin Abu Muhammad. (1992). *Mughni al Labib an Kitab al Aarib*. juz :2. p378.

¹⁸ Nik Safiah Karim ,Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa Dan Pustaka. p 593.

¹⁹ Zainal Abidin Bin Ahmad. 1965. *Pelita Bahasa Melayu Penggal I*. London: MacMillan and Co Limited.p 177.

²⁰ Abrak Othman. (1989). *Nahu Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. p 22

golongan kata tugas. Kata tugas pula dapat dibahagikan kepada kata penyambung ayat, kata praklausa, kata prafrasa dan pascafrasa, serta kata pascakata. Kata Sendi Nama pula terletak dalam kelompok kata prafrasa dan pascafrasa. Tambah Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood (2008), kata prafrasa dan pascafrasa ialah sejumlah perkataan yang hadir sebelum dan sesudah frasa sama ada pada Frasa Nama, Frasa Kerja, Frasa Adjektif Dan Frasa Sendi Nama.

Di	Untuk	Laksana	Dalam	Antara	Bagai	Hingga	Oleh
Sejak	Bagi	Dari	Tentang	Terhadap	Dengan	Umpama	Sampai
Daripada	Seperti	Akan	Ke	Kepada	Demi	Pada	

Rajah 1: Kata Sendi Nama Bahasa Melayu

Kata Sendi Nama (Dari)

Nik Safiah Kafim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood (2008) menjelaskan bahawa kata sendi nama dari digunakan dihadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan arah, tempat dan juga waktu.²¹ Contoh penggunaan kata sendi nama (dari) adalah seperti berikut:

Kata sendi nama (dari)	
Arah	Kereta itu membelok <u>dari</u> kiri ke kanan
Tempat	Bola itu ditendang <u>dari</u> penjuru padang
Waktu	Kerajaan ini terkenal <u>dari</u> kurun ke 18 lagi

Rajah 2: penggunaan kata sendi nama (dari)

Kata Sendi Nama (Daripada)

Merujuk kepada penggunaan kata sendi nama (dari) jelaslah bahawa penggunaanya hanyalah terfokus kepada arah, tempat dan juga waktu. Ciri ini membezakanya daripada kata sendi nama (daripada) dimana Nik Safiah Kafim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood (2008) menjelaskan bahawa kata sendi nama (daripada) hadir dihadapan kata nama yang dimana menyatakan punca bagi manusia, haiwan, benda dan unsur mujarad, sumber atau asal kejadian sesuatu benda dan perbezaan dan perbandingan.²² Contoh penggunaan kata sendi nama (daripada) adalah seperti berikut:

Kata sendi nama (daripada)	
Punca bagi haiwan	Pemain sarkas itu menerima bola <u>daripada</u> pandanya
Punca bagi manusia	Ahmad menerima surat <u>daripada</u> istrinya
Punca bagi benda	Dia menjauhkan diri <u>daripada</u> bahaya rokok
Punca bagi unsur mujarad	Sumbangan <u>daripada</u> kerajaan sudah diterima

²¹ Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. p 268-269.

²² Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. p 268-269.

Sumber atau asal kejadian	Ukiran ini diperbuat <u>daripada</u> emas
Perbezaan atau perbandingan	Pen ini lebih bagus <u>daripada</u> pen itu

Rajah 3: penggunaan kata sendi nama (daripada)

Berdasarkan penggunaan kata sendi nama (dari) dan (daripada) diatas, terlihat sangat jelas bahawa setiap perkataan daripada kata sendi nama mempunyai fungsi dan penggunaan tertentu yang digunakan pada ayat ataupun kalimat pada Bahasa Melayu. Hal ini juga agak sedikit berbeza dengan terjemahannya dimana Huruf jar (Min) yang mempunyai makna yang banyak didalam ayat ataupun kalimat bahasa arab, dimana telahpun dijelaskan seperti mana oleh Ibnu Hisyam bahawa makna Huruf jar (Min) terhimpun dalam 15 makna.²³

Analisis Keanekaan Terjemahan Bahasa Melayu

Dalam pembahasan ini, akan tertumpu kepada huruf jar (min) dan keaneekaan terjemahan yang terdapat pada Mushaf Terjemahan Pusat Dakwah Islamiah ²⁴ dan selanjutnya akan menyusun terjemahan sesuai dengan makna Huruf jar (min) daripada surah yassin sebagai model. Abdurrahman menjelaskan pada makalahnya tentang terjemahan huruf jar (min) dan terdapat 38 jenis huruf jar (min) beserta maknanya yang ada pada surah yaa seen. Jenis-jenis huruf jar (min) adalah seperti berikut:

JENIS-JENIS HURUF JAR (MIN)	JUMLAH BILANGAN
Huruf jar (min) yang bermakna tab'id	19
Huruf jar (min) yang bermakna ibtida	10
Huruf jar (min) yang bermakna ta'kid	5
Huruf jar (min) yang bermakna fi'	2
Huruf jar (min) yang bermakna an	1
Huruf jar (min) yang bermakna bayan	1
Jumlah bilangan	38

Rajah 4: Jenis-jenis huruf jar dan jumlah bilangan yang ada pada surah yaa seen

Huruf jar (min) yang bermakna tab'id yang menyumbang kepada 6 leksikal dalam bahasa melayu adalah seperti berikut:

AYAT	CONTOH KONTEKS AYAT	LEKSIKAL BM	MAKNA HURUF JAR (MIN)
3/83	إِنَّكَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ Sesungguhnya engkau (wahai nabi Muhammad) ialah seorang nabi <u>daripada</u> rasul-rasul yang diutus.	Daripada	Tab'id

²³Ibnu Hisyam, Jamaluddin Abu Muhammmad. (1992). *Mughni al Labib an Kitab al Aarib*. juz :2. p378.

²⁴_____. (2014) *Mushaf Brunei Darussalam Dan Terjemahanya*. Bandar Seri Begawan: Pusat Dakwah Islamiyah.

15/83	وَمَا أُنْزِلَ الرَّحْمَنُ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا تَكْذُوبُونَ dan tuhan yang maha pemurah tidak menurunkan <u>sesuatu pun</u> (wahyu kepada kamu), kamu tidak lain hanyalah berdusta.	sesuatu	Tab'id
27/83	وَجَعَلَنِي مِنَ الْمُكْرَمِينَ dan menjadikan aku <u>termasuk</u> orang-orang yang dimuliakan	termasuk	Tab'id
42/83	وَحَلَقْنَا لَهُمْ مِنْ مِثْلِهِ مَا يَرْكَبُونَ Dan kami menciptakan untuk mereka (jenis-jenis kenderaan) yang sama dengan jenis kenderaan yang merekaendarai.	yang	Tab'id
47/83	وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ أَنْفِقُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ Dan apabila dikatakan kepada mereka: “belanjakanlah (sedekahkanlah) <u>sebahagian</u> rezeki yang Allah telah kurniakan kepada kamu”	sebahagian	Tab'id

Rajah 5: Terjemahn huruf jar (min) yang bermakna tab'id

Huruf jar (min) yang bermakna ibtida yang menyumbang kepada 3 leksikal dalam bahasa melayu adalah seperti berikut:

AYAT	CONTOH KONTEKS AYAT	LEKSIKAL BM	MAKNA HURUF JAR (MIN)
20/83	وَجَاءَ مِنْ أَفْصَى الْمَدِينَةِ Dan seorang laki-laki bergegas datang <u>dari</u> hujung Bandar	Dari	Ibtida
33/83	وَأَخْرَجْنَا مِنْهَا حَبًّا فَمِنْهُ يَأْكُلُونَ serta kami mengeluarkan <u>daripadanya</u> biji-bijian maka daripadanya mereka makan.	Daripada	Ibtida

Rajah 6: Terjemahan huruf jar (min) yang bermakna ibtida

Huruf jar (min) yang bermakna ta'kid yang menyumbang kepada 2 leksikal dalam bahasa melayu adalah seperti berikut:

AYAT	CONTOH KONTEKS AYAT	LEKSIKAL BM	MAKNA HURUF JAR (MIN)
------	---------------------	-------------	-----------------------

46/83	وَمَا تَأْتِيهِمْ مِنْ آيَةٍ مِنْ آيَاتِ رَبِّهِمْ Dan tidak ada suatu ayat daripada ayat-ayat tuhan mereka	Suatu	Ta'kid
74/83	وَإِذْ أَخَذْنَا مِنَ النَّبِيِّينَ مِيثَاقَهُمْ لَعَلَّهُمْ يُنْصَرُونَ Dan mereka (orang-orang kafir) menyembuh selain <u>daripada</u> Allah sebagai tuhan- tuhan dengan harapan mereka mendapat pertolongan (daripada berhala-berhala itu).	Daripada	Ta'kid

Rajah 7: Terjemahan huruf jar (min) yang bermakna ta'kid

Huruf jar (min) yang bermakna fi' yang menyumbang kepada 1 leksikal dalam bahasa melayu adalah seperti berikut:

AYAT	CONTOH KONTEKS AYAT	LEKSIKAL BM	MAKNA HURUF JAR (MIN)
9/83	وَجَعَلْنَا مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا Dan kami menjadikan sekatan <u>di</u> hadapan mereka	Di	Makna fi'

Rajah 8: Terjemahan huruf jar (min) yang bermakna fi

Huruf jar (min) yang bermakna an' yang menyumbang kepada 1 leksikal dalam bahasa melayu adalah seperti berikut:

AYAT	CONTOH KONTEKS AYAT	LEKSIKAL BM	MAKNA HURUF JAR (MIN)
37/83	وَأَيُّهُمْ اللَّيْلُ نَسْلَخُ مِنْهُ النَّهَارَ فَإِذَا هُم مُظْلَمُونَ Dan tanda (kekuasaan Allah) bagi mereka ialah malam, kami menghilangkan siang <u>daripadanya</u> maka dengan serta merta mereka ada berada dalam kegelapan.	Daripada	Makna an'

Rajah 9: Terjemahan huruf jar (min) yang bermakna an

Adapun beberapa contoh daripada terjemahan huruf jar (min) tidak diterjemahkan akan tetapi diterjemahkan terus ke terjemahan selepasnya. Contoh terjemahannya adalah seperti berikut:

AYAT	CONTOH KONTEKS AYAT	TERJEMAHAN MELAYU	MAKNA HURUF JAR (MIN)
34/83	وَجَعَلْنَا فِيهَا جَنَّاتٍ مِنْ نَخِيلٍ وَأَعْنَابٍ وَفَجَّرْنَا فِيهَا مِنَ الْعُيُونِ Dan kami jadikan padanya <u>kebun-kebun kurma</u> dan anggur, dan kami memancarkan padanya mata-mata air.	kebun-kebun kurma	Makna bayan
28/83	وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَى قَوْمِهِ مِنْ بَعْدِهِ مِنْ جُنْدٍ مِنَ السَّمَاءِ وَمَا كُنَّا مُنْزِلِينَ Dan setelah dia (mati), kami tidak menurunkan kepada kaumnya <u>bala tentera (malaikat)</u> dari langit (untuk membinasakan mereka), dan tidak perlu kami menurunkannya.	Bala tentera (Malaikat)	Makna ta'kid
28/83	وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَى قَوْمِهِ مِنْ بَعْدِهِ مِنْ جُنْدٍ مِنَ السَّمَاءِ وَمَا كُنَّا مُنْزِلِينَ Dan <u>setelah dia (mati)</u> , kami tidak menurunkan kepada kaumnya bala tentera (malaikat) dari langit (untuk membinasakan mereka), dan tidak perlu kami menurunkannya.	setelah dia (mati),	Makna ibtida

Rajah 10: Terjemahan huruf jar (min) yang tidak diterjemahkan

Pada konteks Terjemahan Bahasa Melayu diatas, Penterjemah telahpun menggugurkan makna (min). Hal ini terjadi pada makna (min) bayan, ta'kid dan juga ibtida dimana penterjemah menterjemahkan kepada ayat selepasnya. Hal ini juga dijelaskan oleh Azman (2010) dimana pengguguran (min) pada teks bahasa terjemahan masih boleh dipahami oleh pembaca bahasa melayu.²⁵ Dimana meskipun pada ayat di

²⁵ Azman Che Mat, Ismail Muhammad. *Islamiyyat* 32. Bab 6. P 123.

atas, penterjemah telah menggugurkan makna (min) tersebut namun pemahaman terjemahan pada bahasa melayu masih tidak jauh dan masih boleh dipahami.

Manakala dari hasil analisis kajian ini juga mendapatkan beberapa terjemahan yang tidak diterjemahkan akan tetapi penterjemah menambah ayat tambahan untuk mengekalkan makna huruf jar (min), dan contohnya adalah seperti berikut:

AYAT	CONTOH KONTEKS AYAT	TERJEMAHAN MELAYU	MAKNA HURUF JAR (MIN)
18/83	مِنَّا عَذَابٌ أَلِيمٌ <u>kami akan menimpakan</u> kepada kamu azab yang pedih.	kami akan menimpakan	Tab'id
30/83	يَا حَسْرَةً عَلَى الْعِبَادِ مَا يَأْتِيهِمْ مِنْ رَّسُولٍ Alangkah menyesalnya hamba-hamba (yang mengingkari kebenaran). tidak datang <u>seorang rasul</u> pun kepada mereka	seorang rasul	Tab'id
31/83	أَلَمْ يَرَوْا كَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُمْ مِنَ الْقُرُونِ Tidakkah mereka (yang mengingkari kebenaran itu) mengetahui betapa banyaknya kami telah binasakan <u>banyaknya umat-umat</u> yang terdahulu daripada mereka,	banyaknya	Ibtida

Rajah 11: Terjemahan huruf jar (min) dengan ayat tambahan

Menurut rajah diatas, terdapat beberapa terjemahan huruf jar (min) yang tidak diterjemahkan dan beberapa ayat yang ditambahkan untuk mengekalkan makna, sebagai contoh huruf jar (min) Tab'id yang diterjemahkan dengan kata kerja : "kami akan menimpakan", atau sebuah kalimat yang menerangkan akan frasa nama seperti kalimat "banyaknya" atau "seorang".

Perbincangan mengenai analisis

Menurut hasil penelitian, dapat dilihat dari terjemahan bahawa setiap makna huruf jar (min) yang terdapat pada Mushaf Pusat Dakwah Islamiah Brunei Darussalam telah menyumbangkan kepada keanekaan terjemahan dalam bahasa Melayu. Sebagai contoh huruf jar (min) yang bermakna tab'id mempunyai aneka terjemahan yang bermacam-macam, seperti daripada, sesuatu, termasuk, yang dan sebahagian dan setiap terjemahan mempunyai fungsi dan makna tersendiri di dalam bahasa Melayu.

Muhammad Luqmanul Saad, Pabiyah Hajimaming dan Zaitul Azma Zainon Hamzah menjelaskan pada penelitiannya bahawa huruf jar (min) itu sendiri boleh menyumbangkan sehingga 7 makna terjemahan, antaranya ialah terhadap, kerana, di, kecuali, antara, dari

dan daripada.²⁶ Maka dari itu, proses penentuan makna yang dibuat melalui terjemahan huruf-huruf jar secara amnya hendaklah diberikan perhatian khusus, ini kerana setiap huruf jar bahasa arab mempunyai makna yang berlainan, sebagai contoh huruf jar (min) mengandungi 15 makna. Dengan ini, pengaplikasian kaedah ataupun strategi yang tepat dalam menentukan leksikal terjemahan merupakan sesuatu yang menjadi dasar untuk mendapatkan terjemahan yang dinamis dan menarik.

Makna Huruf jar (min) dalam Terjemahan Arab – Melayu

Penentuan makna dalam terjemahan arab-melayu menjadi aspek yang harus dilihat, ini kerana setiap partikel daripada bahasa mempunyai makna yang berlainan. Berikut adalah keanekaan makna yang digunakan untuk terjemahan huruf jar (Min) secara am.

No	Makna ²⁷	Leksikal bm	Makna huruf jar (Min)
1	Menyatakan punca bagi manusia, haiwan, benda dan unsur mujarad, sumber atau asal kejadian sesuatu benda dan perbezaan dan perbandingan	daripada	Digunakan pada makna huruf jar (Min) tab'id, ibitda, ta'kid, dan bermakna an'.
2	Menyatakan untuk masa, tempat dan arah.	dari	Digunakan pada makna ibtida
3	Menyatakan untuk tempat dan arah.	di	Digunakan pada makna fi'
4	Hanya satu,satu	Suatu	Digunakan pada makna ta'kid
5	Yang kurang atau belum tentu	Sesuat	Digunakan pada makna tab'id
6	Setengah atau segolongan	sebahagian	Digunakan pada makna tab'id
7	Ialah kata penghubung untuk menyatakan bahawa kata keterangan berikutnya dipentingkan atau menunjukkan kelainan	Yang	Digunakan pada makna tab'id
8	Tergolong, sudah masuk	Termasuk	Digunakan pada makna tab'id

Rajah 12: Makna Huruf jar (min) dalam Terjemahan Arab – Melayu

Kesimpulan

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan terhadap terjemahan huruf jar (min), dapat disimpulkan beberapa perkara penting dalam menetapkan terjemahan dan juga dalam memahami fungsinya beserta maknanya dalam terjemahan arab-melayu.

²⁶ Muhammad Luqmanul Saad, Pabiyah Hajimaming, Zaitul Azma Zainon Hamzah. (Disember,2014), Kepelbagaian Terjemahan Preposisi Arab dan Fungsinya dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik vol :18*. p:72.

²⁷ *Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Terjemahan Al-Quran yang mengandungi kata sendi/ frasa sendi hendaklah disemak dan diteliti dengan baik, dan ini supaya maksud asal ujaran sesuai dan sepadan dan tidak menyimpang daripada maksud atau makna asal.
- Penterjemah hendaklah mendapatkan padanan terjemahan yang sesuai dan paling dekat, lebih – lebih lagi dalam menterjemah ayat yang melibatkan kata sendi/ frasa sendi.
- Penterjemah juga perlu menegetengahkan padanan terjemahan yang sama, iaitu [preposisi Arab + kata nama Arab] dengan urutan yang sama [preposisi Melayu + kata nama Melayu]. Padanan dari aspek kaedah ini juga dibolehkan selagi mana arah bahasa dan unsur makna yang diterjemahkan dalam bahasa terjemahan sesuai seperti dalam bahasa sasaran yakni bahasa Melayu.
- Kajian ini menyimpulkan bahawa tidak semua huruf jar/kata sendi Arab boleh diterjemah secara literal, ini disebabkan ketidakpadanan budaya dan aspek bahasa yang terdapat antara bahasa sumber dan bahasa asal. Dengan itu, aspek fungsi bahasa ataupun makna kalimat yang berasal dari kamus perlu dijadikan kaedah untuk mengekalkan terjemahan yang semantik ,komunikatif dan dinamis pada sesuatu padanan kata.
- Seandainya terjemahan kata sendi yang terdapat dalam bahasa Melayu tidak sesuai dengan arah atau padanan bahasa Melayu ataupun menerbitkan ayat yang masih boleh dikatakan ‘berbau’ terjemahan, maka pengguguran, penambahan ataupun penggantian dengan kata lain yang sepadan boleh menggantikan terjemahan yang terdapat pada huruf jar / kata sendi bahasa Arab.

Rujukan

- _____. (2014) *Mushaf Brunei Darussalam Dan Terjemahannya*. Bandar Seri Begawan: Pusat Dakwah Islamiyah.
- Abrak Othman. (1989). *Nahu Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ibnu Aqil, Abdullah Bin Abdurrahman Al- Aqili. (1980). *Syarh Ibnu Li Alfiah Ibnu Malik*. kaherah: daar at turas. Juz 3.
- Azman Che Mat, Ismail Muhammad. (2010, November). Memaknakan Frasa Sendi Bahasa Arab Ke Bahasa Melayu Berdasarkan Ilmu Sintaksis-Semantik. *Islamiyyat* 32. Bab 6.
- Azman Che Mat. (2009). Keperluan kepada sebuah glosari kata tugas untuk terjemahan Arab-Melayu. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-12 pada 18-20 Ogos 2009 di Park Royal, Penang
- Ibnu Hisyam, Jamaluddin Abu Muhammad. (1992). *Mughni al Labib an Kitab al Aarib*. juz :2.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majma al Lughah Arabiyah. (2011). *Mu'jam al Wasit*. Mesir: Maktabah as Syuruk ad Dawliyah.
- Dr. Mohd. Hilmi b. Abdullah. (2015). *Konsep, Kaedah dan Teknik Terjemahan Arab-Melayu*. Kuala Kubu Bharu: Pustaka Hilmi.
- Muhammad Luqmanul Saad, Pabiyah Hajimaming , Zaitul Azma Zainon Hamzah. (Disember,2014), Kepelbagaian Terjemahan Preposisi Arab dan Fungsinya dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik vol :18*.
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad. (2012). Strategi Penterjemahan Kata Sendi Nama Arab Ke Bahasa Melayu: Satu Analisis Diskriptif Dan Semantik Dalam Novel “Masrur Dan Makrur”. Ijazah Sarjana: Universiti Malaya.

- Al- Muradi, al Hassan Ibnu Qasim. (1992). *Al Jana Ad Dani Fi Huruf Al Maani*. Bayrut: Dar Al Kutub Al Ilmiyah.
- Nik Safiah Karim ,Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Wan Mohammad Sahran Wan Ahmadi (2020. Januari, 11). Mushaf Brunei Darussalam, Tafsiranya mula dicetak. Pelita Brunei.
- Zainal Abidin Bin Ahmad. 1965. *Pelita Bahasa Melayu Penggal I*. London: MacMillan and Co Limited.
- Zainur Rijal B. Abdul Razak &Mahmoud Mohammed Ali. (2014). Perbezaan di antara Kata Kerja Berimbuhan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik* , Vol.18 (1) Jun 2014, (035-047).